

1986

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH

PEMBANGUNAN
LEBUHRAYA TIMUR BARAT KEATAS
PEKAN JELI DAN BANDAR TANAH MERAH.

Satu Dissertasi Yang Disediakan Sebagai
Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN HARTANAH.

DISEDIAKAN OLEH : MOHAMAD ZAMRIE BIN HJ DERAMAN
SESSI : 1986/87

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Encik Rosli Bin Abdullah, yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan teguran dan pendapat yang tidak ternilai dalam membantu saya menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan Jabatan Kerja Raya Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli, Majlis Daerah Tanah Merah, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan Gua Musang dan Tanah Merah diatas maklumat-maklumat yang diberikan.

Saya juga ingin sampaikan setinggi-tinggi terima kasih kepada penduduk Pekan Jeli dan Bandar Tanah Merah dan juga penghulu Pekan Jeli diatas kerjasama yang mereka berikan. Terima kasih kepada Kak Zah diatas kesudian menaip disertasi ini, dan kepada teman-teman yang memberi sokongan dan galakan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada bonda dan keluarga yang telah memberi dorongan dan perangsang bagi menjayakan disertasi ini.

(MOHAMAD ZAMRIE BIN HJ DERAMAN)

Diploma Lanjutan Pengurusan Hartanah
April, 1987.

SINOPSIS

Dissertasi ini merupakan satu tinjauan keatas kesan pembinaan Lebuhraya Timur Barat terhadap taraf sosio-ekonomi penduduk dan perkembangan Pekan Jeli dan Bandar Tanah Merah. Pembinaan Lebuhraya Timur Barat merupakan satu revolusi didalam aspek perhubungan dan pengangkutan diMalaysia. Ini memandangkan pembinaannya telah mengakibatkan penjimatan dari jarak jauh, kos pengangkutan dan masa kepusat-pusat penting di Pantai Barat dan Utara.

Perubahan dalam taraf sosio-ekonomi dan perkembangan kawasan kajian akan di analisa dalam dua jangkamasa yang berbeza iaitu; i- sebelum Lebuhraya Timur Barat dibuka

ii- selepas Lebuhraya Timur Barat dibuka sehingga dissertation ini dijalankan.

Penumpuan kajian akan di tumpukan disektor perniagaan, perumahan, pertanian dan perindustrian.

Dari segi pendapatan, penggunaan baja, pemilikan barang-barang mewah dan pergerakan penduduk didalam ruang juga akan dikaji . Pembangunan Bandar Baru Jeli dan Tanah Merah sememangnya adalah wajar memandangkan kepada kedudukannya yang strategik dan pintu masuk dari kawasan Pantai Barat dan Utara.

JADUAL KANDUNGANMUKA SURAT

	<u>MUKA SURAT</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
HURUF--HURUF RINGKAS	iii
SENARAI PETA	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI GAMBAR FOTO	x
BAB SATU - PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kawasan Kajian	2
1.2.1 Pekan Jeli	5
1.2.2 Bandar Tanah Merah	7
1.2.3 Pembangunan Pekan Jeli dan Tanah Merah sebelum ujudnya LRTB	10
1.3 Sekop Kajian	15
1.4 Matlamat dan Objektif Kajian	16
1.5 Methodologi Kajian	18
1.6 Sebab-sebab kawasan ini di pilih	21

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pada tahun 1969, Kerajaan Persekutuan telah memulakan pembinaan Lebuhraya Timur Barat (LRTB) dan dibuka kepada pengguna-pengguna jalanraya dengan resminya pada 1 hb. Julai, 1982. Ianya dibina untuk menghubungkan di antara bandar Kota Bharu, Tanah Merah dan Pekan Jeli di Timur Semenanjung Malaysia dengan Grik, Sungai Petani, Alor Star dan Pulau Pinang di sebelah barat Semenanjung.

Untuk itu kawasan kajian yang dipilih untuk penyediaan disertasi ini merangkumi Pekan Jeli dan Bandar Tanah Merah di Negeri Kelantan. Dalam bab berikutnya pula penulis akan menerangkan perihal kawasan kajian dan lebuhraya Timur Barat dengan lebih mendalam.

Pembinaan Lebuhraya Timur Barat bolehlah dianggap sebagai satu revolusi terhadap perkembangan pengangkutan di Malaysia. Ini disebabkan sebelum terbina-nya Lebuhraya Timur Barat itu, perjalanan antara Pantai Barat dan Pantai Timur mestilah melalui jalan utama Kota Bharu - Kuala Lumpur, seterusnya ke